



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 2 Julai 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 22/2025

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/ Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/ Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Semua Pegawai Tadbir (Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN KRITERIA BERGRADUAT DALAM TEMPOH (GOT) KEPADA GRADUAN DOKTOR FALSAFAH MENGIKUT GLOSARI MyRA®

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat ke-519 yang bersidang pada 29 Mei 2025 telah bersetuju meluluskan pindaan kriteria bergraduata dalam tempoh (GOT) kepada graduan Doktor Falsafah mengikut Glosari MyRA® seperti di **Lampiran A**.
3. Pelaksanaan pindaan ini akan berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2025/2026 dan akan digunapakai kepada semua pelajar yang mendaftar. Sehubungan dengan itu, semua penghantaran kertas kerja oleh Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) bagi tujuan pengijazahan pelajar program Doktor Falsafah bermula pada Mesyuarat Senat bulan Disember 2025 hendaklah menggunakan takrifan baharu yang diluluskan.
4. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Pengurusan Akademik di pautan (<https://www.ukm.my/akademik/pekeliling-akademik-ukm/>). Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) adalah bertanggungjawab untuk menyampaikan makluman ini kepada semua pelajar dan staf akademik yang berkaitan.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Prof.Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249


PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Penasihat Undang-undang, Pejabat Penasihat Undang-undang
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional (UKMShape)
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat (PTM)
 - Pengarah, Pusat Hal-ehwal Pelajar (HEP)
 - Pengarah, Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)
 - Ketua, Bahagian Hasil, Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

SULIT



PETIKAN MINIT MESYUARAT SENAT KE-519

Tarikh : 29 Mei 2025 (Khamis)
 Masa : 2.30 petang hingga 5.00 petang
 Tempat : Bilik Mesyuarat Senat, Aras 5, Bangunan Canselori UKM

VI. Perbincangan Kertas Kerja

6. Menimbang Petikan Minit/Minit Mesyuarat Jawatankuasa

6.16. Kertas Bil. 125/2025 - Pindaan Kriteria Bergraduat Dalam Tempoh (GOT) Kepada Graduan Doktor Falsafah Mengikut Glosari MyRA®

Senat:

- i. mengambil perhatian:
 - a. penerangan Pengarah Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM) mengenai pindaan kriteria pemberian GOT kepada graduan Doktor Falsafah mengikut glosari *Malaysia Research Assessment* (MyRA®) seperti di **Lampiran 17**.
 - b. perbezaan takrifan GOT antara peraturan-peraturan UKM (Pengajian Siswazah) 2021 dan glosari MyRA® (Pindaan 2023) adalah seperti berikut:

Peraturan- Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) 2021	Glosari MyRA® I & II (Pindaan 2023)
<p>Peraturan 7(7)</p> <p>Pelajar bagi program kedoktoran yang menamatkan pengajian dengan jayanya dalam tujuh (7) semester atau 42 bulan dihitung dari tarikh pendaftaran hingga tarikh tamat pengajian yang diluluskan Senat, dianggap sebagai bergraduat dalam masa yang ditetapkan (GOT).</p>	<p>SEKSYEN D: KUANTITI DAN KUALITI PASCA SISWAZAH</p> <p>(1) (c) Bilangan PhD bergraduat dalam tempoh 7 semester atau 42 bulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah graduan PhD yang menamatkan pengajian dalam tempoh tujuh (7) semester atau empat puluh dua (42) bulan. • Tujuh (7) semester atau empat puluh dua (42) bulan dihitung dari tarikh pendaftaran hingga tarikh tamat pengajian yang diluluskan Senat. • Untuk calon yang membuat pertukaran dari Sarjana kepada PhD, tempoh belajar dikira dari mula tarikh membuat Sarjana dan bukan selepas pertukaran. • Pelajar yang menangguh (defer) pengajian akan dikira bilangan bulan atau semester untuk pengiraan tempoh bergraduat kecuali atas sebab perubahan sahaja dan telah diluluskan oleh Senat.

- c. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik Ke-300 pada 9 April 2025 bersetuju memperakukan ke Senat mengenai pindaan kriteria pemberian GOT kepada graduan Doktor Falsafah mengikut glosari *Malaysia Research Assessment* (MyRA®).

Tindakan: Untuk makluman

ii. **bersetuju:**

- a. **meluluskan** pindaan kriteria bergraduasi dalam tempoh (GOT) kepada graduan Doktor Falsafah mengikut glosari MyRA® berkuat kuasa pada Sesi Akademik 2025/2026 kepada semua pelajar;
- b. penghantaran kertas kerja Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) bagi tujuan pengijazahan pelajar program Doktor Falsafah pada Senat bulan Disember 2025 dengan menggunakan takrifan baharu.
- c. AKADEMIK UKM membuat hebahan kepada F/I/P untuk pemakluman kepada pelajar.

Tindakan: Pengarah AKADEMIK UKM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

GLOSARI MyRA[®] I & II

(PINDAAN 2023)



PENILAIAN *MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT*
(MyRA[®])

ISI KANDUNGAN

	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	PRAKATA	2
2.	DEFINISI	3 – 6
3.	SEKSYEN A: MAKLUMAT UMUM	7 – 11
4.	SEKSYEN B: KUANTITI DAN KUALITI PENYELIDIK	12 – 21
5.	SEKSYEN C: KUANTITI DAN KUALITI PENYELIDIKAN	22 – 35
6.	SEKSYEN D: KUANTITI DAN KUALITI PASCA SISWAZAH	36 – 44
7.	SEKSYEN E: INOVASI	45 – 53
8.	SEKSYEN F: KHIDMAT PROFESIONAL DAN HADIAH	54 – 61
9.	SEKSYEN G: JARINGAN DAN JANGKAUAN	62 – 74
10.	SEKSYEN H: KEMUDAHAN SOKONGAN	75 – 78

SEKSYEN D: KUANTITI DAN KUALITI PASCA SISWAZAH
QUANTITY AND QUALITY OF POSTGRADUATES

1. Bilangan graduan PhD

Number of PhDs graduated

a) Jumlah bilangan graduan PhD pada tahun yang dinilai

Total number of PhDs graduated in the year of assessment

- Jumlah graduan PhD yang **diluluskan oleh Senat** pada tahun yang dinilai.

i) Jumlah bilangan graduan PhD (Mod Penyelidikan) warganegara pada tahun yang dinilai

Total number of local PhDs (Research Mode) graduated in the year of assessment

ii) Jumlah bilangan graduan PhD (Mod Penyelidikan) bukan warganegara pada tahun yang dinilai

Total number of international PhDs (Research Mode) graduated in the year of assessment

b) Nisbah graduan PhD kepada staf akademik aktif

Ratio of PhDs graduated to active academic staff

- Nisbah graduan PhD berbanding dengan staf akademik aktif.
- Kaedah Pengiraan:

$$= \frac{\text{Bilangan PhD bergraduati}}{\text{Jumlah staf akademik aktif}}$$

(Auto Calculated)

c) Bilangan PhD bergraduat dalam tempoh 7 semester atau 42 bulan

Number of PhDs graduated within 7 semesters or 42 months

- Jumlah graduan PhD yang menamatkan pengajian dalam tempoh tujuh (7) semester atau empat puluh dua (42) bulan.
- Tujuh (7) semester atau empat puluh dua (42) bulan dihitung dari tarikh pendaftaran hingga tarikh tamat pengajian yang diluluskan Senat.
- Untuk calon yang membuat pertukaran dari Sarjana kepada PhD, tempoh belajar dikira dari mula tarikh membuat Sarjana dan bukan selepas pertukaran.
- Pelajar yang menangguh (defer) pengajian akan dikira bilangan bulan atau semester untuk pengiraan tempoh bergraduat **kecuali** atas sebab perubatan sahaja dan telah diluluskan oleh Senat.

d) Peratusan PhD bergraduat dalam tempoh 7 semester atau 42 bulan

Percentage of PhDs graduated within 7 semesters or 42 months

- Peratusan graduan PhD yang menamatkan pengajian dalam tempoh tujuh (7) semester atau empat puluh dua (42) bulan berbanding dengan jumlah keseluruhan graduan PhD yang tamat pengajian pada tahun yang dinilai.



**PETIKAN MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PERKEMBANGAN AKADEMIK
KE-300**

Tarikh : 9 April 2025 (Rabu)
Masa : 9:00 pagi hingga 11:06 pagi
Tempat : Bilik Senat, Aras 5, Bangunan Canselori UKM

IV. PERBINCANGAN KERTAS KERJA

1. Perancangan Akademik

1.7 Kertas Bil. 45/2025

Pindaan Kriteria Bergraduasi Dalam Tempoh (GOT) Kepada Graduan Doktor Falsafah Mengikut Glosari MyRA[®], Pusat Pengurusan Akademik

Jawatankuasa:

- i. mengambil perhatian penerangan wakil Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM) berkaitan pindaan kriteria bergraduasi dalam tempoh (GOT) kepada graduan Doktor Falsafah mengikut glosari MyRA[®] seperti di **Lampiran 10**.

Tindakan: Untuk makluman

ii. **bersetuju:**

- a. **memperakukan kepada Senat untuk kelulusan pindaan kriteria bergraduasi dalam tempoh (GOT) kepada graduan Doktor Falsafah mengikut glosari MyRA[®].**
- b. pelaksanaan pindaan ini berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2025/2026 kepada semua pelajar dan penghantaran kertas kerja Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) bagi tujuan pengijazahan pelajar program Doktor Falsafah pada Senat bulan Disember 2025 dengan menggunakan takrifan baharu.
- c. AKADEMIK UKM membuat hebahan kepada F/I/P untuk pemakluman kepada pelajar setelah mendapat kelulusan Senat.

**Tindakan: Pengarah AKADEMIK UKM/
TP (Governans Akademik)**